



### 1. Fardu ain:

Perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam, berdosa sekiranya ditinggalkan.

#### Fardu kifayah:

Perkara yang wajib dilaksanakan oleh sebahagian umat Islam untuk menjaga kepentingan umat Islam, sekiranya tidak ada yang melaksanakannya maka semua anggota masyarakat mendapat dosa.

### 2. Contoh amalan fardu ain:

- (a) Solat fardu
- (b) Berpuasa dalam bulan Ramadan
- (c) Mengeluarkan zakat
- (d) Menutup aurat

#### Contoh amalan fardu kifayah:

- (a) Solat berjemaah
- (b) Pengurusan jenazah
- (c) Menguasai sesuatu bidang pekerjaan
- (d) Menghasilkan sesuatu barang untuk kegunaan masyarakat

### 3. Diri:

- (a) Membentuk keperibadian Muslim yang sejati
- (b) Membudayakan amalan mulia dalam kehidupan
- (c) Berusaha menjadi individu kreatif dan inovatif

#### Masyarakat:

- (a) Membentuk masyarakat yang bertanggungjawab
- (b) Mewujudkan masyarakat saling membantu antara satu sama lain
- (c) Keperluan hidup masyarakat Islam dapat dipenuhi

#### Negara:

- (a) Negara aman dan bebas daripada kejadian jenayah
- (b) Pentadbiran negara berjalan lancar kerana diurus dengan telus
- (c) Ekonomi negara berkembang dengan pesat kerana bebas daripada rasuah

### 4. Aktiviti murid

### Praktis Masteri 15

#### Bahagian A

- |      |      |      |      |      |
|------|------|------|------|------|
| 1. D | 2. C | 3. D | 4. D | 5. A |
| 6. D | 7. C |      |      |      |

#### Bahagian D

1. (a) (i) 1. Solat fardu  
                 2. Menutup aurat  
(ii) Mereka yang memahami akan konsep fardu kifayah akan saling melengkapi antara satu sama lain untuk memastikan amalan fardu kifayah itu boleh dilaksanakan secara bersama. Sebagai contoh, ketika adanya kematian disesuaikan dengan kampung, penduduk kampung akan berusaha bersama-sama untuk membantu keluarga si mati menguruskan jenazah tanpa membimbangkan keluarga si mati menguruskannya sendirian sahaja kerana menguruskan jenazah merupakan salah satu amalan fardu kifayah. Kesimpulannya, pemahaman seseorang terhadap konsep fardu kifayah akan melahirkan masyarakat yang saling membantu tanpa mengira waktu.  
(b) (i) Fardu ain  
                 (ii) Fardu ain  
                 (iii) Fardu kifayah  
                 (iv) Fardu kifayah  
(c) (i) ✓  
                 (ii) ✓  
                 (iii) ✗  
(d) (i) Negara akan aman dan bebas daripada kejadian jenayah.  
                 (ii) Ekonomi negara dapat dilaksanakan secara terancang dan bersepadu.  
(e) (i) mukalaf  
                 (ii) kolektif  
                 (iii) solat berjemaah